67 Tinjauan Keseluruhan
67 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
70 Keadaan Monetari dan Kewangan Dalam Negeri
78 Pembiayaan Ekonomi

Keadaan Monetari dan Kewangan

Keadaan Monetari dan Kewangan

TINJAUAN KESELURUHAN

Impak langsung krisis kewangan global terhadap keadaan kewangan Malaysia pada awal tahun 2008 secara relatifnya sederhana kerana pendedahan institusi dan pasaran kewangan domestik terhadap produk kredit yang berstruktur adalah amat kecil. Di samping itu, institusi kewangan domestik telah menjadi bertambah kukuh dan mempunyai penampan yang nyata pada dekad selepas krisis kewangan Asia. Walau bagaimanapun, aliran modal yang didorong oleh pembayaran balik hutang yang makin meningkat oleh institusi kewangan antarabangsa telah mencetuskan ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan domestik. Krisis kewangan yang ketara dan prospek ekonomi global yang makin meruncing terutamanya pada suku keempat 2008, telah menjejaskan sentimen dalam pasaran kewangan.

Meskipun keadaan monetari dan kewangan pada tahun 2008 dipengaruhi oleh aliran modal yang kukuh pada separuh tahun pertama dan terjejas pada separuh kedua tahun disebabkan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan antarabangsa, pasaran kredit disokong kuat oleh sektor perbankan yang kukuh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Pada tahun tersebut, kadar faedah terus menyokong pembiayaan ekonomi. Sementara ekonomi maju mengalami luluh kredit (credit crunch) yang teruk akibat kepincangan fungsi institusi dan pasaran kewangan, keadaan kredit di Malaysia terus berdaya tahan. Institusi dan pasaran kewangan domestik terus menjalankan fungsi pengantaraan masing-masing dengan berkesan.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Pada tahun 2008, pasaran kewangan antarabangsa dicirikan terutamanya oleh kebimbangan terhadap peningkatan inflasi global pada separuh pertama tahun itu dan kemerosotan mendadak sistem kewangan global pada separuh kedua tahun yang sama.

Pada separuh pertama tahun 2008, kadar inflasi global meningkat dengan ketara, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan mendadak harga pelbagai jenis komoditi. Kenaikan harga ini

Rajah 2.1
Indeks Harga Makanan dan Komoditi



Sumber: Bloomberg, Food And Agriculture Association (FAO)

berpunca daripada permintaan yang kukuh dari ekonomi sedang pesat membangun, kekangan bekalan jangka pendek dan peralihan dana kepada komoditi sebagai satu kelas aset. Harga minyak global meningkat kepada paras tertinggi buat julung-julung kalinya, kepada USD100 setong untuk kali pertama dalam sejarah. Pada masa yang sama, harga makanan global turut naik kepada paras tertinggi. Pertambahan pengeluaran biobahan terutamanya, yang mendorong permintaan terhadap jagung dan minyak biji sesawi, telah memberikan kesan limpahan kepada makanan lain melalui permintaan dan kesan penggantian tanaman. Lonjakan mendadak harga minyak bukan semuanya dapat dijelaskan oleh asas-asas ekonomi semata-mata. Gabungan antara penyusutan nilai dolar AS pada separuh pertama tahun 2008, peningkatan risiko kredit dalam ekonomi maju dan keinginan pelabur untuk melindung nilai niaga hadapan minyak telah meningkatkan daya tarikan komoditi minyak dan komoditi boleh simpan lain sebagai aset alternatif.

Tekanan dalam sistem kewangan global lebih meruncing pada tahun 2008, memburukkan lagi proses pembayaran balik hutang

Impak harga makanan dan bahan api yang tinggi terhadap inflasi benar-benar dirasai oleh ekonomi pasaran sedang pesat membangun disebabkan

oleh bahagian makanan dan bahan api yang lebih tinggi dalam kumpulan barangan penggunaan mereka. Selain itu, penghapusan subsidi untuk mengekang beban fiskal turut menyumbang kepada peningkatan ketara kadar inflasi dalam beberapa ekonomi tersebut.

Berlatarbelakangkan kebimbangan terhadap inflasi, pasaran kewangan antarabangsa terus mengalami gangguan yang ketara sepanjang tahun 2008. Kemelut kewangan global yang bermula apabila pasaran gadai janji subprima AS merudum pada pertengahan tahun 2007, dan berakhirnya pasaran perumahan yang melambung, telah menular ke pasaran kewangan lain. Peningkatan kemungkiran dalam pasaran subprima AS merumitkan penilaian sekuriti bersandarkan aset yang menggunakan gadai janji subprima sebagai aset dasar mereka. Penemuan harga bagi semua produk berstruktur dilanda masalah, seterusnya mengakibatkan beberapa keadaan panik dan mudah tunai yang ketat. Kedudukan sektor kewangan bertambah buruk apabila banyak institusi kewangan utama mengalami penurunan nilai dan menanggung kerugian yang besar. Dengan merosotnya asas modal dan ketidakupayaan untuk memperoleh dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengawalseliaan, sektor perbankan AS mula menunjukkan tanda-tanda kesukaran yang ketara.

Rajah 2.2
Kerugian dan Pengumpulan Modal Institusi Kewangan



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.3
Spread[1] Pasaran Kewangan



[1] LIBOR 3 bulan kurang Indeks Swap Semalaman 3 bulan (OIS)
Sumber: Bloomberg

Krisis mudah tunai bertukar menjadi krisis kesolvenan dan keyakinan yang menyeluruh pada separuh kedua tahun itu. Lehman Brothers, sebuah bank pelaburan AS yang muflis pada bulan September 2008 telah mencetuskan pasaran wang antara bank lumpuh kerana keyakinan rakan niaga yang makin hilang. Spread hutang syarikat meningkat dengan mendadak berikutan peningkatan risiko mungkir serta kebimbangan terhadap kegagalan seterusnya yang mungkin dialami oleh institusi kewangan. Pada masa yang sama, keengganan bank untuk memberikan pinjaman sesama sendiri mengakibatkan berlakunya kekurangan mudah tunai dolar yang amat ketara di seluruh dunia, lantas mendorong peningkatan kadar dolar AS jangka pendek.

Proses pembayaran balik hutang global meningkat dengan pesat apabila institusi kewangan mengambil langkah untuk mengurangkan hutang dan memperbaiki kedudukan kewangan mereka. Hal ini menyebabkan berlakunya lebih banyak penjualan dalam pasaran ekuiti global. Yen turut menambah nilai secara mendadak berbanding dengan semua mata wang apabila *carry trade* dilupuskan dan dana dihantar balik ke Jepun bermula pada bulan September 2008. Sementara itu, pelabur melabur dalam aset 'selamat' seperti bon Perbendaharaan AS, dan mengakibatkan kadar hasil jangka panjang menurun kira-kira 150 mata asas kepada paras terendah pada suku keempat.

Rajah 2.4
Indeks Pasaran Ekuiti MSCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.5
Kadar Hasil Bon Berdaulat 10 tahun Pasaran Maju



Sumber: Bloomberg

Kebimbangan terhadap luluh kredit global telah meningkat apabila kerugian bank terus meningkat. Ketidakpastian dalam pasaran kewangan global yang berterusan dan kelemahan institusi kewangan yang ketara menyebabkan keadaan pembiayaan terjejas teruk. Bank-bank dalam ekonomi utama juga mengetatkan penawaran kredit masing-masing disebabkan prospek ekonomi yang kurang menggalakkan, kebolehan mengambil risiko yang berkurang dan merosotnya kepercayaan kredit pelanggan.

Pada tahun 2008, bank-bank pusat dan Kerajaan utama mengambil langkah untuk menghadapi persekitaran kewangan yang mencabar dengan mengurangkan kadar dasar secara agresif dan memperluas kemudahan mudah tunai masing-masing. Langkah selanjutnya telah dilaksanakan untuk permodalan semula institusi kewangan yang lemah menerusi suntikan tunai secara langsung dan pembelian kepentingan ekuiti dalam institusi ini.

Pasaran sedang pesat membangun tidak terlepas daripada kesan krisis kewangan global disebabkan peningkatan kesalinghubungan kewangan dengan ekonomi-ekonomi utama ini. Beberapa negara di bekas Blok Timur, seperti Ukraine dan Hungary terjejas teruk memandangkan ekonomi mereka yang begitu terdedah kepada pasaran kewangan ekonomi maju, pertumbuhan kredit domestik yang tinggi dan kedudukan luar negeri yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan kewangan awal akibat krisis sebahagian besarnya dapat dielakkan oleh kebanyakan ekonomi Asia kerana pendedahan langsung yang terhad terhadap pasaran derivatif kredit AS. Namun, tekanan terhadap ekonomi sedang pesat membangun makin kuat berikutan kebimbangan bahawa luluh kredit global akan berpanjangan dan kemerosotan mendadak prospek pertumbuhan global akan memberikan kesan yang nyata kepada aktiviti ekonomi serantau. Proses pembayaran balik hutang global di samping jangkaan perolehan yang menurun menyebabkan kesukaran besar kepada rantau itu. Akibatnya, pasaran ekuiti di rantau Asia merosot sebanyak 30-70% pada tahun 2008. Aliran keluar modal dari rantau meningkat pada tahun itu disebabkan penghantaran balik dana ke Amerika Syarikat.

Rajah 2.6
Keadaan[1] Pinjaman Bank untuk Perniagaan



[1] Merujuk kepada Soalselidik Pinjaman Pegawai Atasan dalam negara terpilih
Sumber: Laman Web Bank Pusat

Rajah 2.7
Prestasi Indeks Ekuiti Asia 2008



Sumber: Bloomberg

Krisis yang bertambah buruk itu menyebabkan ekonomi Asia mengambil langkah tegas untuk mengekalkan keyakinan. Antara langkah ini termasuklah memberikan jaminan deposit dan suntikan mudah tunai dalam sistem kewangan. Usaha sama yang digembleng dengan ekonomi utama melalui pengenalan swap mata wang asing membantu meredakan tekanan dalam pasaran wang. Dasar monetari juga dilonggarkan untuk menangani peningkatan kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan. Di samping itu, kerajaan melaksanakan pakej rangsangan fiskal yang besar untuk mengurangkan risiko kelembapan yang mendalam dan berpanjangan kepada ekonomi dalam negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, kebimbangan berterusan mengenai keadaan pembiayaan luar negeri yang ketat, aliran modal yang turun naik dan prospek pertumbuhan yang tidak menentu terus menjejaskan pasaran sedang pesat membangun.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DALAM NEGERI

Kadar pertukaran

Trend umum penambahan nilai ringgit pada tahun 2007 telah berlanjutan hingga ke bahagian awal tahun 2008. Permintaan asas terhadap ringgit didorong oleh imbangan perdagangan bersih yang positif berikutan harga komoditi yang tinggi terus menyokong prestasi eksport Malaysia. Permintaan terhadap ringgit turut bertambah melalui aliran masuk portfolio yang besar kerana pendedahan langsung Malaysia yang terhad terhadap krisis kewangan global dan sistem kewangannya yang baik, serta prospek pertumbuhan ekonomi yang secara relatifnya berdaya tahan. Peningkatan jangkaan bahawa pertumbuhan ekonomi di AS lebih lemah juga membawa kepada kelemahan umum mata wang AS berbanding dengan mata wang serantau lain termasuk ringgit. Ringgit menambah nilai sebanyak 10.6% sejak akhir tahun 2007 kepada RM3.1315 berbanding dengan dolar AS pada 23 April 2008. Paras ini merupakan paras paling kukuh berbanding dengan mata wang AS sejak peralihan kepada rejim kadar pertukaran apungan terurus pada bulan Julai 2005.

Ringgit berubah mengikut perkembangan pasaran kewangan global

Trend ini berubah arah menjelang akhir bulan April, disebabkan oleh kebalikan aliran pelaburan ini. Kegagalan Bear Stearns dan institusi kewangan lain dalam ekonomi maju telah menyebabkan risiko pihak lain yang berkenaan *(counterparty risk)* meningkat dengan ketara dan menimbulkan kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya kegagalan sistemik yang lebih meluas. Kejatuhan Lehman Brothers pada bulan September meningkatkan lagi pelupusan pelaburan dalam ekonomi sedang pesat membangun apabila institusi kewangan antarabangsa mula membuat pembayaran balik hutang.

Rajah 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun terdapat permintaan asas yang kukuh terhadap ringgit disebabkan imbangan perdagangan bersih yang positif, ringgit terjejas teruk akibat perkembangan global tersebut. Antara Mei hingga Disember 2008, ringgit berlegar di sekitar trend menurun yang serupa dengan mata wang serantau lain berikutan perubahan pesat sentimen dalam pasaran kewangan dan mata wang. Meskipun ringgit menyusut nilai kepada RM3.6375 pada 5 Disember 2008, ringgit mengakhiri tahun itu pada kadar pertukaran dolar AS sebanyak 3.4640, atau 4.5% lebih rendah berbanding dengan akhir tahun 2007.

Ringgit juga mengakhiri tahun 2008 lebih lemah berbanding dengan yen Jepun berikutan pelupusan *carry trade* yang besar dalam yen meningkatkan permintaan terhadap mata wang Jepun. Walau bagaimanapun, ringgit mengakhiri tahun itu lebih kukuh berbanding dengan paun sterling, dan secara relatif tidak berubah berbanding dengan euro. Paun sterling terjejas teruk oleh kemerosotan ekonomi Britain dan kebimbangan yang menyelubungi sistem kewangan UK.

Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau bercampur-campur. Meskipun mata wang serantau lain turut sama terjejas oleh trend dalam mata wang utama, namun prestasi

Rajah 2.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan baht Thailand. Setiap mata wang berwajaran seimbang

Nota: Peningkatan Indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih dengan dolar AS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10
Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau



Nota: (+) Menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang luar negeri.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kadar pertukaran antara mata wang serantau dibezakan oleh faktor khusus sesebuah negara. Khususnya, won Korea dan rupiah Indonesia lebih lemah dengan ketara berbanding kebanyakan mata wang. Kedua-dua mata wang tersebut mengalami pergerakan pasaran yang keterlaluan kerana penambahan nilai mata wang yang pesat sebelum ini telah bertukar kepada penyusutan nilainya yang ketara.

Dalam persekitaran global yang begitu tidak menentu dan tidak pasti, rejim apungan terurus memberikan fleksibiliti yang perlu kepada ringgit untuk berubah mengikut perkembangan ekonomi dan kewangan global. Pada masa yang sama, rejim ini juga memberikan suatu tahap kestabilan kepada kadar pertukaran berbanding dengan rakan dagang utama negara. Meskipun terdapat kebimbangan bahawa penyusutan nilai ringgit berbanding dengan nilai dolar AS dan yen Jepun telah meningkatkan kos import, terutamanya input produktif, hanya 24% daripada import Malaysia diperoleh dari AS dan Jepun. Pada tahun tersebut, kenaikan harga purata barangan dan perkhidmatan pengguna di AS dan Jepun adalah lebih rendah berbanding dengan kenaikan harga di Malaysia, yang mengimbangi sebahagian daripada impak penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang ini. Ukuran yang lebih baik bagi kuasa beli antarabangsa Malaysia ialah kadar pertukaran efektif benar (real effective exchange rate, REER). REER ialah purata wajaran

ringgit berbanding dengan mata wang rakan dagangan negara yang utama dan dilaraskan bagi perbezaan dalam perubahan harga. Dengan ukuran ini, REER bagi ringgit menyusut hanya kira-kira 1.5% pada tahun 2008.

Kadar faedah, kadar hasil bon dan harga ekuiti

Kadar faedah pada tahun 2008 adalah rendah dan stabil untuk menyokong keperluan pembiayaan ekonomi. Kadar faedah domestik mencerminkan pendirian dasar monetari Bank Negara Malaysia, yang seterusnya didorong oleh penilaian Bank Negara Malaysia terhadap risiko yang relatif di antara pertumbuhan dan kestabilan harga. Teras dasar monetari adalah untuk menggalakkan kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka masa sederhana.

Kadar faedah menyokong ekonomi dengan kukuh

Kadar antara bank semalaman, satu minggu dan satu bulan secara relatifnya stabil dalam sebelas bulan yang pertama pada tahun itu, didagangkan hampir kepada kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR). Walau bagaimanapun, kadar pasaran wang jangka sederhana dipengaruhi oleh jangkaan terhadap pergerakan OPR. Setelah kekal stabil bagi enam bulan pertama, KLIBOR dan swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) meningkat disebabkan pasaran menjangkakan tindak balas dasar monetari terhadap inflasi yang makin meningkat. Namun begitu, OPR terus tidak berubah dan kadar-kadar faedah ini kemudiannya menurun. Menjelang akhir tahun itu, kadar antara bank dilaraskan menurun berikutan pengurangan 25 mata asas dalam OPR pada 24 November.

Kadar pemberian pinjaman runcit menghampiri paras terendah dalam sejarah sepanjang tahun 2008. Peminjam dalam sektor isi rumah dan sektor perniagaan terus mendapat manfaat daripada kadar faedah yang rendah. Kadar pemberian pinjaman yang rendah disokong oleh dua faktor. Pertama, kos dana yang rendah hasil daripada pendirian dasar monetari akomodatif dan mudah tunai sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi. Kedua, persaingan sengit antara bank menyebabkan margin yang dikenakan terhadap pinjaman adalah rendah. Meskipun wujud faktor-faktor ini, beberapa tekanan menaik muncul

Rajah 2.11
Kadar Faedah Pasaran Wang



Jangkaan OPR diperolehi dari Bloomberg
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

dalam pasaran wang pada pertengahan tahun itu berikutan jangkaan terhadap dasar monetari yang lebih ketat kerana inflasi meningkat dengan ketara. Kesannya, kadar faedah pinjaman sewa beli telah dinaikkan, sejajar dengan kenaikan kos melindung nilai pinjaman berkadar tetap melalui pasaran swap kadar faedah. Trend menaik dalam kadar faedah yang sedemikian ternyata bersifat sementara berikutan jangkaan pasaran yang menurun terhadap pelarasan OPR memandang prospek pertumbuhan dalam negeri dan global mula menurun. Setelah Bank Negara Malaysia mengurangkan OPR pada bulan November, kadar pemberian pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah turut menurun. Kesannya, kadar pinjaman

Rajah 2.12
Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13
Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15
ALR bagi Pinjaman Baharu Diluluskan bagi Bank Perdagangan (purata bergerak 3 bulan)



[t] Tidak termasuk pinjaman bagi tujuan pembelian rumah kediaman dan kad kredit.
Sumber: Bank Negara Malaysia

purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul mengakhiri tahun itu dengan paras terendah yang baharu dalam sejarah kepada 5.86%.

Sementara itu, kadar deposit stabil dalam tempoh sebelas bulan pertama pada tahun itu. Tekanan menurun terhadap kadar deposit dikurangkan apabila Bank Negara Malaysia mengenakan lantai kadar faedah terhadap deposit tetap (fixed deposit, FD). Berbeza dengan kadar faedah nominal yang stabil, kadar faedah benar menurun dan menjadi negatif pada bulan Mei berikutan peningkatan inflasi yang mendadak.

Pengurangan OPR pada bulan November telah dipindahkan dengan cepat kepada kadar pemberian pinjaman runcit. Dua puluh buah bank mengurangkan kadar pinjaman asas mereka dalam tempoh dua minggu selepas OPR diturunkan. Di samping itu, magnitud pengurangan kadar faedah oleh pihak bank kepada pelanggan berikutan penurunan OPR juga agak besar. BLR purata bank perdagangan menurun daripada 6.72% pada bulan Oktober kepada 6.48% pada bulan Disember. Kesannya, kadar bagi pinjaman yang diluluskan untuk perniagaan dan isi rumah masing-masing menurun sebanyak 26 dan 25 mata asas pada bulan yang berikutnya, menggambarkan sepenuhnya penurunan 25 mata asas dalam OPR. Kadar deposit turut menurun apabila penurunan OPR turut diikuti oleh penurunan terhadap lantai bagi kadar FD.

Rajah 2.14
Kadar Deposit dan Pinjaman Benar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil berdaulat mencerminkan perubahan prospek pertumbuhan dan inflasi

Pada tahun 2008, kadar hasil bon berdaulat terutamanya dipengaruhi oleh jangkaan inflasi dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan. Pada separuh pertama tahun tersebut, jangkaan inflasi dalam negeri yang lebih tinggi menyebabkan kadar hasil mengalami trend menaik secara beransur-ansur, terutamanya dalam tempoh matang yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, peningkatan itu dikurangkan oleh aliran masuk modal yang besar ke dalam pasaran

Rajah 2.16
Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)



Sumber: Bank Negara Malaysia

ekuiti dan bon berikutan penambahan portfolio oleh para pelabur pada awal tahun itu. Jangkaan bahawa ringgit akan terus kukuh berikutan prestasi ekonomi yang berdaya tahan juga menyebabkan kadar hasil terus rendah dan stabil.

Jangkaan terhadap inflasi lebih ketara pada bulan Jun berikutan kenaikan harga bahan api runcit dan elektrik. Ini menyebabkan peningkatan jangkaan terhadap dasar monetari yang ketat dan seterusnya meningkatkan kadar hasil MGS dengan nyata. Dengan para pelabur menjangkakan prospek kadar faedah yang lebih tinggi pada masa depan, kadar hasil bagi MGS 10 tahun dan 3 tahun meningkat

Rajah 2.17
Spread Kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18
Keluk Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 2008



Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan mendadak, masing-masing sebanyak 84 dan 50 mata asas pada bulan Jun.

Spread kematangan antara MGS 10 tahun dengan MGS jangka lebih pendek turut meningkat, menyebabkan kecerunan keluk kadar hasil bertambah curam. Selain itu, kadar hasil kekal tinggi apabila pelabur asing melupuskan pelaburan portfolio mereka berikutan krisis kewangan global yang makin buruk.

Walau bagaimanapun, menjelang bulan September, kadar hasil mula jatuh apabila jangkaan terhadap inflasi berkurang. Di samping itu, krisis kewangan global yang meruncing mengakibatkan berlakunya penghindaran risiko yang nyata dalam kalangan pelabur. Para pelabur meningkatkan permintaan terhadap aset bebas risiko dan aset lebih rendah risiko serta mengalihkan pelaburan mereka daripada pasaran ekuiti kepada pasaran sekuriti Kerajaan, lalu menurunkan lagi kadar hasil.

Dengan tanda-tanda yang jelas bahawa tekanan inflasi dalam negeri mula tiada dan kebimbangan yang bertambah mengenai kelembapan ekonomi, jangkaan penurunan OPR muncul menjelang akhir tahun itu. Penurunan OPR pada 24 November telah dipindahkan dengan serta-merta dan sepenuhnya dalam pasaran bon berdaulat, seperti yang ditunjukkan oleh penurunan kadar hasil bagi semua tempoh matang. Pada bulan Disember, kadar hasil MGS jangka panjang terus menurun kepada paras di bawah OPR kerana para pelabur menjangkakan kadar faedah dasar

Rajah 2.19
Spread Swap Bon[1]



[1] Kadar faedah Swap tolak kadar hasil MGS
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20
Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

akan diturunkan lagi di masa hadapan berikutan penyiaran data ekonomi yang lemah. Spread swap bon bagi sekuriti jangka pendek hingga jangka sederhana terus negatif membayangkan jangkaan tersebut.

Pergerakan kadar hasil sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) pada umumnya mencerminkan kadar hasil MGS pada separuh pertama tahun berkenaan. Walau bagaimanapun, pada bulan Jun, sentimen pelabur merosot disebabkan ketidakpastian berkaitan dengan daya maju penerbit hutang ekoran cukai durian runtuh yang dikenakan terhadap Pengeluar Jana Kuasa Bebas (Independent Power Producers, IPP) dan syarikat perladangan kelapa sawit. Akibatnya, mudah tunai dalam pasaran PDS menurun dengan ketara, lalu melonjakkan kadar hasil dengan mendadak.

Sentimen pelabur terus terjejas oleh kebimbangan mengenai kepercayaan kredit berikutan prospek perolehan lebih rendah pada separuh kedua tahun 2008.

Kadar hasil PDS dipengaruhi oleh premium risiko yang meningkat

Oleh itu, kadar hasil PDS terus berada pada paras tinggi disebabkan oleh premium risiko yang lebih tinggi. Para pelabur yang mengimbang semula peruntukan portfolio daripada PDS yang lebih berisiko kepada sekuriti berdaulat turut menyumbang kepada peningkatan kadar hasil. Akibatnya, spread antara kadar hasil MGS dengan PDS terus melebar dengan ketara. Spread kredit mula meningkat dengan mendadak pada bulan November apabila magnitud penurunan kadar hasil MGS melebihi kadar hasil PDS. Peningkatan spread terutamanya berlaku pada sekuriti bertaraf lebih rendah. Meskipun kadar hasil PDS tidak menurun sebanyak kadar hasil MGS, namun terbitan PDS yang bertaraf lebih tinggi secara relatifnya terus memuaskan pada tempoh tersebut.

Rajah 2.21
Spread Kadar Hasil Bon Korporat Berbanding MGS (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.22
Turun Naik Pulangan di Pasaran KLCI[1]



[1] Merujuk kepada pusingan sisihan piawai 30 hari ke atas pulangan harian

Sumber: Bloomberg

Rajah 2.23
KLCI dan Indeks Bursa Malaysia mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.24
Indeks Serantau



Sumber: Bloomberg

Harga ekuiti adalah tidak menentu hasil daripada perkembangan di dalam dan luar negeri pada tahun itu. Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) terdedah kepada ketidaktentuan yang ketara berikutan pendedahannya yang besar kepada sektor berasaskan sumber yang terjejas oleh turun naik yang ketara dalam harga komoditi. Ketidaktentuan KLCI diburukkan lagi oleh aliran keluar dana yang didorong oleh kemerosotan sentimen dalam pasaran kewangan dan aktiviti pembayaran balik hutang oleh para pelabur asing. Jangkaan meluas terhadap kemerosotan perolehan turut mempengaruhi sentimen dalam negeri dan menambahkan lagi ketidaktentuan pasaran.

Harga saham tidak menentu dan mengalami trend menurun

Ketidakpastian berkaitan dengan kemelut kewangan AS dan keputusan pilihanraya umum pada bulan Mac menyebabkan sentimen pasaran lemah pada separuh pertama tahun itu. Meskipun wujudnya ketidakpastian ini, indeks terus memberangsangkan, disokong oleh peningkatan saham berkaitan perladangan yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun tersebut, kemerosotan berterusan sentimen global dan dalam negeri memberikan tekanan menurun terhadap harga ekuiti. Kos bahan mentah yang tinggi dan kenaikan caj utiliti dalam keadaan prospek pertumbuhan ekonomi lebih perlahan, menjejaskan pendapatan firma dan seterusnya, penilaian syarikat. Menjelang akhir tahun, kemerosotan harga komoditi, penghindaran risiko yang nyata dan aktiviti pembayaran balik hutang menurunkan lagi harga saham. Bagi tahun 2008 keseluruhannya, KLCI menyusut sebanyak 39.3% kepada 876.8. Penyusutan KLCI ini pada umumnya seiring dengan prestasi pasaran serantau lain.

Mudah tunai

Keadaan mudah tunai lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2008. Walau bagaimanapun, integrasi Malaysia dengan ekonomi dunia yang mendalam melalui hubungan perdagangan dan kewangan menyebabkan keadaan mudah tunai domestik terjejas oleh perkembangan global. Oleh itu, keadaan mudah tunai seperti yang diukur oleh wang secara luas, atau M3, memperlihatkan dua fasa berbeza pada tahun 2008.

Mudah tunai domestik terjejas oleh pembayaran balik hutang oleh pelabur asing tetapi masih lebih daripada mencukupi

Pada separuh pertama tahun, wang secara luas meningkat pada kadar yang lebih pantas. Peningkatan ini didorong oleh kedua-dua faktor dalam dan luar negeri. Bagi sektor luaran, aliran masuk asing meningkat dengan ketara disebabkan lebihan perdagangan Malaysia dan aliran masuk portfolio. Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta juga meningkat apabila bank terus menyediakan pembiayaan sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih pesat. Pertumbuhan wang secara luas mencapai paras tertinggi pada bulan Julai, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 14.1% (akhir Disember 2007: 9.5%).

Pada separuh kedua tahun, proses pembayaran balik hutang dalam kalangan institusi kewangan antarabangsa telah mewujudkan permintaan yang kukuh terhadap dolar AS, mengakibatkan berlakunya aliran keluar secara tiba-tiba dalam jumlah besar dari Malaysia. Keadaan ini memberikan kesan penguncupan kepada wang secara luas. Walau bagaimanapun, kesan aliran keluar modal terhadap wang secara luas sebahagiannya diimbangi oleh kadar pemberian pinjaman yang mapan oleh sektor perbankan domestik. Di samping itu, pertumbuhan wang secara luas turut disokong oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih besar, yang dibiayai menerusi terbitan sekuriti Kerajaan, sebahagian daripadanya dibeli oleh sektor perbankan. Oleh sebab itu, agregat monetari terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan pada separuh kedua tahun 2008. Wang secara luas atau M3 mengakhiri tahun itu dengan mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 11.9% pada bulan Disember.

Bank Negara Malaysia mengendalikan operasi dalam pasaran wang bagi memastikan paras

Rajah 2.25
Wang Secara Luas, M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2008	
	ST1	ST2
M3	**66.4**	**32.7**
Mata wang dalam edaran	2.9	1.3
Deposit permintaan	5.3	5.8
Separuh wang secara luas	58.3	25.6
Deposit tetap	*14.8*	*13.2*
Deposit tabungan	*4.0*	*3.8*
NID	*-0.3*	*0.4*
Repo	*1.1*	*-4.1*
Deposit mata wang asing	*11.5*	*5.1*
Deposit lain	*27.2*	*7.1*
Penentu-penentu M3		
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-4.1	37.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	43.3	51.7
Pinjaman	*40.2*	*36.5*
Sekuriti	*3.1*	*15.2*
Aset luar bersih*	48.7	-95.4
*Bank Negara Malaysia**	*68.4*	*-80.9*
Sistem perbankan	*-19.7*	*-14.6*
Pengaruh lain	-21.5	38.8

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

mudah tunai adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi. Pada separuh pertama tahun 2008, Bank Negara Malaysia menyerap jumlah mudah tunai berlebihan yang lebih besar bagi menghindari berlakunya keadaan mudah tunai yang memberikan kesan pengembangan yang berlebihan. Hal ini dicapai melalui penggunaan pelbagai instrumen monetari dalam operasi pensterilan oleh Bank Negara Malaysia, termasuk peminjaman langsung, perjanjian beli balik dan terbitan Nota Monetari Bank Negara Malaysia. Oleh itu, lebihan mudah tunai kekal sederhana.

Aliran keluar mudah tunai yang banyak berikutan penjualan aset domestik oleh pelabur asing diimbangi oleh pengeluaran mudah tunai yang disimpan dengan Bank Negara Malaysia. Penempatan antara bank bersih dalam jumlah yang besar dengan Bank Negara Malaysia bertindak sebagai penampan mudah tunai bagi sistem perbankan. Walaupun saiz mudah tunai yang berlebihan berkurang disebabkan aliran keluar, namun mudah tunai dalam sistem perbankan kekal dalam keadaan lebihan. Keadaan ini dicerminkan oleh nisbah pinjaman-deposit yang terus berada pada paras sederhana, iaitu antara 72.5 pada bulan Julai hingga 73.5 pada bulan Disember. Pada peringkat institusi, 49 daripada 54 institusi perbankan beroperasi dari kedudukan mudah tunai yang berlebihan, dengan penempatan bersih dana dengan Bank Negara Malaysia. Sebilangan besar institusi yang mempunyai lebihan mudah tunai menyokong daya tahan sistem perbankan domestik dengan mengehadkan kebergantungan pada pembiayaan borong. Bank Negara Malaysia juga memastikan mudah tunai dolar AS mencukupi untuk mengelakkan sebarang kekurangan mata wang asing bagi tujuan aktiviti perdagangan.

PEMBIAYAAN EKONOMI

Pada tahun 2008, keadaan kredit domestik terus kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sementara tekanan inflasi pada tiga suku pertama tahun 2008 mencerminkan kesan daripada kejutan harga komoditi, peningkatan kredit pada umumnya sejajar dengan keadaan asas ekonomi, dan keadaan ini membantu mengekang kemungkinan kesan inflasi pusingan kedua.

Yang penting, ketika negara maju menghadapi keadaan luluh kredit yang ketara, terutamanya pada suku keempat tahun tersebut, keadaan kredit domestik terus memuaskan. Institusi perbankan dan pasaran kewangan terus menyokong permintaan terhadap pembiayaan ekonomi. Jumlah pembiayaan bersih[1] yang disalurkan kepada kedua-dua sektor awam dan swasta meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 11.5% (2007: 9.2%). Permintaan terhadap pembiayaan daripada kedua-dua sektor perniagaan dan isi rumah terus kukuh pada tahun itu. Namun begitu, menjelang akhir tahun, permintaan terhadap pembiayaan menjadi agak perlahan disebabkan penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi dan sentimen lebih berhati-hati oleh sektor swasta.

Sektor perbankan dan pasaran modal berterusan menyokong permintaan terhadap pembiayaan

Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih pantas sebanyak 12.7% pada tahun 2008 (2007: 11.3%). Pada tempoh tiga suku pertama tahun tersebut, penggunaan swasta yang kukuh

Rajah 2.26
Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Merangkumi pembiayaan yang disediakan oleh sistem perbankan, pasaran modal, institusi kewangan pembangunan (IKP), syarikat insurans, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, institusi kredit perumahan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan sumber-sumber luar.

Rajah 2.27
Pembiayaan kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28
Pengeluaran Pinjaman kepada Perniagaan: Jumlah Pertumbuhan dan Sumbangan Mengikut Tujuan



Nota: Data tidak termasuk satu pinjaman dalam jumlah besar yang diberikan pada tahun 2007 bagi aktiviti penswastaan
Sumber: Bank Negara Malaysia

disokong oleh daya tahan ekonomi dalam negeri yang berterusan telah menyumbang kepada permintaan yang stabil terhadap pembiayaan. Tambahan pula, harga bahan mentah, bahan api dan elektrik yang lebih tinggi mengakibatkan kos kendalian menjadi lebih tinggi, justeru meningkatkan permintaan terhadap pembiayaan modal kerja oleh perusahaan perniagaan. Pinjaman yang dikeluarkan untuk tujuan modal kerja meningkat dengan ketara pada kadar

Rajah 2.29
Permohonan Pinjaman dan KDNK



Nota: Data tidak termasuk satu pinjaman dalam jumlah besar yang diberikan pada ta 2007 bagi aktiviti penswastaan
Sumber: Bank Negara Malaysia

tahunan sebanyak 22.1% pada sembilan bulan pertama tahun 2008 berbanding dengan 4.3% bagi tempoh yang sama pada tahun 2007. Permohonan pinjaman daripada industri makanan dan minuman terutamanya meningkat sebanyak 87.1% pada bulan Januari hingga bulan September 2008 berbanding dengan 1.2% bagi tempoh yang sama pada tahun 2007.

Permohonan dan kelulusan pinjaman sistem perbankan meningkat, masing-masing sebanyak 22.8% dan 20.7% pada sembilan bulan pertama tahun 2008 (2007: 36.7%; 37.5%)[2]. Walau bagaimanapun, ketiadaan permintaan terhadap pembiayaan untuk aktiviti penggabungan dan pengambilalihan bermakna pertumbuhan permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih kecil berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2007. Meskipun dilanda sentimen pasaran yang lemah, pembiayaan PDS pada tempoh tersebut adalah kukuh. Jangkaan kadar hasil yang lebih tinggi disebabkan jangkaan kenaikan OPR telah mendorong perusahaan perniagaan mendapatkan pembiayaan terlebih dahulu daripada jangkaan tersebut. Jumlah terbitan paling tinggi direkodkan pada bulan Jun, sebelum berlangsungnya mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada bulan Julai.

Permintaan terhadap pembiayaan oleh isi rumah disokong terutamanya oleh jualan kukuh harta

[2] Analisis bagi perkembangan pinjaman tidak termasuk satu pinjaman dalam jumlah besar yang diberikan pada tahun 2007 bagi aktiviti penswastaan.

Rajah 2.30
Terbitan Kasar PDS



Nota: Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

kediaman dan kereta penumpang. Permintaan terhadap pembiayaan gadai janji sebahagiannya disebabkan pelbagai insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi sektor harta tanah pada tahun 2007, termasuk kemudahan untuk mengeluarkan wang daripada Akaun II KWSP secara bulanan untuk tujuan pembayaran balik gadai janji. Kenaikan harga komoditi memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar dan ini menyumbang kepada permintaan terhadap kereta penumpang dan trak. Walau

Rajah 2.31
Permohonan Pinjaman oleh Perniagaan: Jumlah Pertumbuhan dan Sumbangan Mengikut Sektor



Nota: Data tidak termasuk satu pinjaman dalam jumlah besar yang diberikan pada tahun 2007 bagi aktiviti penswastaan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32
Permohonan Pinjaman oleh Isi Rumah: Jumlah Pertumbuhan dan Sumbangan Mengikut Tujuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

bagaimanapun, harga makanan, bahan api dan elektrik yang lebih mahal menjelang pertengahan tahun meningkatkan kos hidup dan mengurangkan pendapatan boleh guna isi rumah. Isi rumah mengambil sikap lebih berhati-hati dalam berbelanja seperti yang ditunjukkan melalui penurunan perbelanjaan mereka. Akibatnya, menjelang suku ketiga, pertumbuhan pinjaman sewa beli, kad kredit dan pembiayaan gadai janji menjadi sederhana.

Kesan kemerosotan ekonomi global yang lebih mendadak mula menjejaskan sektor benar ekonomi dalam negeri, pada suku keempat 2008. Kemerosotan permintaan luar negeri menyebabkan penguncupan eksport yang mendadak dengan cepat serta kelembapan dalam kadar pelaburan swasta, yang seterusnya menjejaskan keadaan pasaran pekerja. Di samping sentimen lemah dalam pasaran kewangan, permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor perniagaan dan isi rumah menjadi sederhana pada suku tersebut. Permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan merosot dalam kesemua sektor ekonomi pada suku keempat, kecuali sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Permohonan pinjaman oleh sektor isi rumah, iaitu untuk perumahan, kad kredit dan pinjaman peribadi turut menguncup pada tempoh tersebut. Dalam pasaran PDS, permintaan pelabur terhadap premium risiko yang lebih tinggi menyebabkan kos untuk mendapatkan

dana oleh firma menjadi lebih mahal. Beberapa penerbit bon juga memilih untuk menangguhkan terbitan bon mereka kerana menjangkakan kadar hasil yang lebih rendah pada masa hadapan. Oleh itu, meskipun kelulusan bagi terbitan PDS berterusan, terbitan sebenar menjadi sederhana disebabkan firma menangguhkan terbitan bon mereka. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti turut merosot kepada RM5.5 bilion (2007: RM7.1 bilion). Mencerminkan sentimen pasaran yang lemah, kebanyakan dana yang diperoleh adalah melalui terbitan hak dan bukannya melalui tawaran awam awal (initial public offerings, IPO).

Rajah 2.33
Jumlah Pembiayaan Diperoleh Melalui Pasaran Ekuiti



Sumber: Bursa Malaysia, anggaran Bank Negara Malaysia

Sumber pembiayaan

Dengan institusi dan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan cekap, sektor swasta meraih manfaat melalui fleksibiliti untuk memilih sumber pembiayaan paling berkesan untuk aktiviti masing-masing. Pada tahun 2008, sistem perbankan terus menjadi penyedia pembiayaan terbesar bagi ekonomi, dengan pinjaman bank mencakupi 42% daripada jumlah pembiayaan. Sementara itu, pembiayaan menerusi terbitan PDS mencakupi 15%, iaitu sumber ketiga terbesar selepas pelaburan langsung asing. Kebergantungan pada pembiayaan luar negeri kekal kecil pada 5% disebabkan mudah tunai domestik adalah lebih daripada mencukupi.

Pemilihan sumber pembiayaan bagi sektor perniagaan terutamanya bergantung pada tujuan keperluan pembiayaan tersebut. Firma menerbitkan PDS terutamanya untuk membiayai projek lebih besar dan dalam jangka lebih panjang, dan beralih kepada sistem perbankan untuk memenuhi keperluan pembiayaan jangka lebih pendek seperti untuk modal kerja. Bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro, sumber pembiayaan utama adalah daripada institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Ini ditambah

Rajah 2.34
Sumber Pembiayaan bagi Sektor Swasta



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.2
Tabung-tabung Khas untuk PKS yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia

	RM juta				%
	Peruntukan	Kelulusan	Pengeluaran	Pinjaman Terkumpul	Kadar Penggunaan[1]
	Pada akhir tahun 2008				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	1,300.0	1,730.4	1,707.0	255.7	78.3[3]
Tabung Usahawan Baharu 2	2,850.0	3,544.6	3,351.4	2,261.9	90.0
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	6,750.0	11,933.8	10,893.7	4,972.2	94.2
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	300.0	899.9	814.2	79.5	87.0
Tabung Pembiayaan Mikro	200.0	4.2	2.4	2.4	2.1
Jumlah	**11,400.0**	**18,112.8**	**16,768.8**	**7,571.7**	**90.3**
Skim Bantuan Kewangan PKS					
Kemudahan Bantuan PKS	700.0	1,013.0	234.1	4.6	
Kemudahan Pemodenan PKS	500.0	83.3	6.9	211.2	
Jumlah	**1,200.0**	**1,096.3**	**241.0**	**215.8**	
	Perubahan Pada Tahun				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	-	-	0.5	-84.5	
Tabung Usahawan Baharu 2	-	107.9	148.4	-134.1	
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	-	1,815.9	2,117.4	177.4	
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	-	139.6	158.0	8.2	
Tabung Pembiayaan Mikro	200.0	4.2	2.4	2.4	
Jumlah	**200.0**	**2,067.6**	**2,426.7**	**-30.6**	
Skim Bantuan Kewangan PKS					
Kemudahan Bantuan PKS	700.0	1,013.0	234.1	4.6	
Kemudahan Pemodenan PKS	500.0	83.3	6.9	211.2	
Jumlah	**1,200.0**	**1,096.3**	**241.0**	**215.8**	

[1] Nisbah kelulusan kepada peruntukan dan bayaran balik
[2] Tidak termasuk tabung yang diperuntukan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-9
[3] Tidak termasuk bayaran balik sebanyak RM541 juta yang telah ditukar kepada ekuiti Agrobank

Sumber: Bank Negara Malaysia

pula oleh dana khas yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke masa bagi mencapai tujuan tertentu. Sebanyak 21 dana telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sejak tahun 1988 dan pada masa ini terdapat tujuh dana. Kadar penggunaan dana, tidak termasuk kemudahan jaminan, adalah pada 90.3% pada tahun 2008. Keperluan kredit sektor isi rumah kebanyakannya dipenuhi oleh institusi perbankan. Ketersediaan pembiayaan daripada IKP dan syarikat insurans turut membanyakkan jenis instrumen dan sumber pembiayaan bagi isi rumah serta meningkatkan persaingan dalam segmen kredit pengguna.

Haluan pemberian pinjaman

Aliran pembiayaan yang stabil pada tahun 2008 disalurkan kepada kesemua sektor ekonomi dan peminjam. Pembiayaan kasar yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran PDS kebanyakannya diberikan kepada sektor perniagaan, dengan sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, serta sektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah mencakupi lebih 50% daripada jumlah pembiayaan kasar. Dalam keadaan permintaan luar negeri yang makin lemah, pembiayaan kepada sektor perkilangan, yang mencakupi 22% daripada jumlah pembiayaan kasar kebanyakannya diberikan

Rajah 2.35
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Pada Tahun 2008



Jumlah: RM 683 bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.37
Terbitan Kasar PDS Mengikut Sektor Pada Tahun 2008



Jumlah: RM42.9 billion

Nota: Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada industri berorientasikan dalam negeri[3]. Pembiayaan untuk sektor isi rumah terus stabil mencakupi 27% daripada jumlah pembiayaan kasar (2007: 28%).

Dalam sistem perbankan, pinjaman kepada sektor perniagaan sebahagian besarnya dikeluarkan untuk membiayai modal kerja. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, serta sektor kewangan, insurans perkhidmatan perniagaan dan harta tanah. Pengeluaran pinjaman yang bertambah kepada sektor perniagaan terus meningkatkan pinjaman perniagaan terkumpul sebanyak 13.2% pada akhir tahun 2008 (2007: +10.3%). Dalam pasaran PDS, kebanyakan dana yang diperoleh adalah untuk membiayai aktiviti pelaburan baharu. Daripada jumlah kasar PDS yang diterbitkan pada tahun 2008, 60.6% diperoleh firma daripada sektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah. Daripada jumlah ini, sebanyak 21.7% diterbitkan oleh institusi perbankan domestik. Sementara itu, sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, dan sektor pembinaan, masing-masing mencakupi 14% daripada jumlah dana kasar yang diperoleh pada tahun 2008.

Rajah 2.36
Pengeluaran Pinjaman Mengikut Sektor Pada Tahun 2008



Jumlah: RM639.9 bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman yang diberikan kepada PKS merupakan 17.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Pinjaman sistem perbankan untuk PKS meningkat 9.4% pada akhir tahun 2008, setelah mencatat peningkatan sebanyak 13.2% pada Ogos 2008 (2007: 9.1%). Permintaan PKS terhadap pembiayaan meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada tahun itu, dengan permohonan pinjaman mencatat pertumbuhan lebih perlahan, sebanyak 3.3% (2007: 38.8%). Penyederhanaan ini merangkumi kesemua sektor ekonomi. Walaupun permintaan berkurang, pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS pada tahun 2008 meningkat 16% (2007: 5.6%), kebanyakannya bagi memenuhi keperluan modal kerja. Pengeluaran adalah

[3] Merujuk kepada industri makanan, minuman, kelengkapan pengangkutan, kertas, tembakau dan yang berkaitan pembinaan.

Rajah 2.38
Pinjaman Terkumpul: Jumlah Pertumbuhan dan Sumbangan Mengikut Pengguna



Data tidak termasuk satu pinjaman dalam jumlah besar yang diberikan pada tahun 2007 bagi aktiviti penswastaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

menyeluruh dengan sektor perkilangan dan perdagangan borong dan runcit masing-masing mencakupi 31% dan 29% daripada jumlah pengeluaran pinjaman.

Pada Julai 2008, Bank Negara Malaysia memperkenalkan dua program bantuan kewangan, Kemudahan Bantuan PKS dan Kemudahan Pemodenan PKS berjumlah RM1.2 bilion. Kemudahan ini diperkenalkan bagi membantu PKS mengatasi masalah aliran tunai sementara, berikutan kos menjalankan perniagaan yang lebih tinggi di samping untuk

Rajah 2.39
Penunjuk Pinjaman Bank bagi PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.40
Pengeluaran Pinjaman kepada PKS Mengikut Sektor Pada Tahun 2008



Jumlah: RM164.4 bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

menggalakkan kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi melalui pemodenan dan penambahbaikan jentera, kelengkapan dan kendalian. Pada bulan November, Bank Negara Malaysia melancarkan Tabung Perusahaan Mikro bernilai RM200 juta untuk meluaskan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro yang berdaya maju perniagaannya.

Pada bulan Januari 2009, Bank Negara Malaysia menubuhkan Skim Bantuan Jaminan PKS (SAGS) bernilai RM2 bilion. Pembiayaan mikro dan skim jaminan ini bertujuan untuk memastikan PKS dan perusahaan mikro berdaya maju yang menghadapi kesukaran sementara kerana

Rajah 2.41
Pengeluaran Pinjaman kepada Isi Rumah Mengikut Tujuan Pada Tahun 2008



Jumlah: RM184.6 bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

permintaan yang makin lemah, mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi.

Dalam sektor isi rumah, pengeluaran pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 8.9% (2007: 12.8%), dan disalurkan terutamanya bagi membiayai pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Kredit penggunaan meningkat pada kadar yang lebih perlahan. Pertumbuhan perbelanjaan kad kredit menurun dengan ketara kepada 2.1% berbanding dengan 20.6% pada tahun 2007. Kad kredit terus digunakan, kebanyakannya sebagai kaedah pembayaran dan bukannya sebagai cara pembiayaan, seperti ditunjukkan oleh nisbah pembayaran balik yang tinggi[4], sebanyak 61.2%. Dengan pengeluaran pinjaman perumahan dan kereta yang mapan, pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah bertambah pada kadar yang lebih pantas sebanyak 9.1% (2007: 7.4%), mencakupi 53.4% daripada jumlah peningkatan pinjaman bank.

[4] Nisbah pembayaran balik = [(jumlah perbelanjaan + pendahuluan tunai) – baki terkumpul] / (jumlah perbelanjaan + pendahuluan tunai)